

TRANSKRIPSI SESI TEMURAMAH SEJARAH PENUBUHAN USIM

Tokoh: Tuan Haji Addenan b. Haji Abdul Rahman
Jawatan: Pendaftar USIM (2000 – 2009)
Tarikh temuramah: 22 Mei 2007
Penemuramah: Harianti Husain (Pustakawan)
Nor Azzah Momin (Timb. Ketua Pustakawan)

.....

Harianti: Assalamualaikum

Tuan Hj Addenan: Wa'alakumussalam.

Harianti: Saya cik harianti binti husain dari unit arkib library, dengan puan azzah momin, selaku pengerusi jawatankuasa sesi temuramah. Ok, pertama-tama sekali nak ucapkan terima kasih kepada tuan haji addenan bin abdul rahman sebab sudi di temuramah pada hari ini. Ok, tujuan kita pada hari ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai sejarah penubuhan KUIM yang sekarang di kenali sebagai USIM. Oleh itu saya serahkan kepada tuan haji addenan untuk kita dapatkan maklumat yang lebih mengenai sejarah penubuhan USIM.

Tuan Hj Addenan: Terima kasih...sebenarnya sejarah penubuhan kolej universiti islam Malaysia masa itu, nama awal bagi USIM ini, sebenarnya penglibatan saya bermula pada bulan November, disember tahun 1999 tak silap saya iaitu apabila saya pertama kalinya dipelawa oleh professor

dato' abdul shukor husin iaitu naib canselor USIM sekarang, mempelawa saya untuk turut sama sebagai tenaga penggerak awal lah iaitu sebagai pendaftar untuk menubuh seterusnya memulakan operasi USIM ini. emm.. sebenarnya saya sendiri sebelum dipelawa oleh dato' itu saya tak tahu langsung pun mengenai penubuhan sebuah kolej universiti ketika itu yang baru yang di uruskan oleh pihak kerajaan. Jadi apabila saya dipelawa oleh dato' sekitar bulan disember, tahun..November, disember 1999 itu, pertamanya oleh kerana saya barangkali tak ada maklumat ketika itu, saya mintak tangguh untuk seminggu la untuk saya memberi jawapan. Emm..kemudian saya rasa itu satu penghormatan bagi saya yang diberikan oleh dato' shukor sendiri kerana saya tak terlintas di fikiran saya pun pada suatu hari saya akan di pelawa untuk menjadi sebuah.. eh, seorang pendaftar universiti, dan ketika itu jawatan saya di UKM ialah sebagai timbalan pendaftar hal ehwal pelajar. Jadi, saya menerima, kerana ini impian saya.. satu .. aa cabaran dan yang penting sekali ialah saya rasa ingin terlibat secara langsung dari awal penubuhan sebuah universiti yang akan menjadi kemuncak kepada pendidikan tinggi pengajian islam. Jadi pada ketika itu.. tak lama selepas itu dato' menyatakan persetujuan dan hendak saya memulakan tugas pada bulan januari tahun 2000. emm, jadi sepertimana kita maklum, ketika itu bukan ada pejabat lagi.. pejabat tak ada, emm, kita kata, kakitangan pun tak ada. Ketika itu hanya dua orang bila saya melihat kertas kabinet, kelulusan kertas kabinet penubuhan sebuah kolej universiti, iaitu kolej universiti islam Malaysia, tenaga penggerak yang diluluskan adalah seramai sepuluh orang, dan dato' rektor iaitu dato' abdul shukor sendiri adalah orang yang

pertama. Yang kedua yang bersama beliau ialah yang berhormat dato' Abdullah mohd zin, sekarang ni menteri di jabatan perdana menteri, dan saya merupakan orang ketiga yang untuk.. dijemput oleh dato' untuk turut bersama, selain daripada itu ialah berikutnya serta dengan saya ialah puan hajah rohani, bendahari. Jadi.. selepas itu apabila saya sebagai pendaftar tentulah tugas saya untuk merancang perjalanan pentadbiran dan operasi bagi sebuah universiti. Dan tentunya di peringkat awal itu ialah yang pentingnya ialah perancangan kakitangan yang bergerak dan beroperasi perlu ada kakitangan, aaa... namun setelah saya menyediakan kertas-kertas yang sepatutnya ketika itu kertas perancangan perjawatan, ketika itu memang tiada staf lah, saya sorang-soranglah aje... dan emm.. sendirilah, kalau nak kongsi pengalaman sendirilah, menaip surat sendiri, malah surat tawaran sendiri yee, perjawatan dan sebagainya, dan kita apabila.. saya tugas pertama saya ialah perancangan perjawatan dimana kita perlu aa.. memperolehi kakitangan yang telah pun pertama kali seramai 10 orang itu untuk di aa.. lantik ye...dan selanjutnya ialah menyediakan kertas untuk memangku jawatan kepada pihak kerajaan bagi operasi selanjutnya lah, dan ketika itu saya telah maklum oleh datuk a.. VC sendiri bahawa kita perlu mengambil pelajar pada bulan Jun 2000, tahun 2000 ye.., ia dilihat masa hanya diberi kepada saya a.. pada ketika itu KUIIM masa itu hanya ada masa a.. sekitar enam bulan, jadi saya bersama seperti saudara pimpinan datuk membuat perancangan, perancangan jangka pendek yang paling awal ialah memastikan operasi universiti ketika itu boleh bermula a.. pengambilan pelajar nie pada bulan Jun tahun 2000, 3 bulan pertama, ini adalah sejarah juga lagi

ni. ketika mulanya dijangkakan a.. universiti ni boleh mula beroperasi pada Januari. Tetapi aa.. ketika itu juga pada tahun 2000 aa.. pihak apa namanya agak tertangguh sedikit beberapa bulan atas sebab tertentu, aa...jadi operasi sebenarnya kita dapat bergerak ialah Februari tak silap saya ataupun Mac ye. Jadi aa..dah pastilah yang pertamanya saya terpaksa menguruskan tentang pengambilan kakitangan, aa.. pegawai dan juga pembantu aa..tadbir dan sebagainya. Jadi kakitangan yang pertama kita lantik pada bulan aa.. Mei, k.. kalo tak silap saya lah Mei, April Mei sebagainya, jadi selama dua bulan lebih kurang lah, saya dari segi pentadbiran ni kerja sorang-sorang lah, segala-galanya masa itu tidak ada setiausaha, ketika itu juga tidak ada pembantu tadbir, baik untuk a.. bermula untuk Dato' Rektor sendiri, ia agak unik sedikit a.. sejarah apa peringkat awal USIM ini kerana kita tidak diletak dibawah mana-mana universiti yang sedia ada ye.., a.. namun demikian kita bernasib baik kerana dari segi ruang pejabat pihak Universiti Kebangsaan Malaysia bermurah hati memberi kita ruang pejabat sementara ye, iaitu di ye.. fakulti pengajian islam er.. UKM jadi ketika itu er.. kita pun er.. disamping er..er.., pihak UKM sanggup mm., kita membenarkan kita mengguna tapi kita atas dasar sebuah IPT baru perlu kita menyewa, jadi..dan.. kita bermulalah daripada seorang pegawai kita lantik kemudian lepas itu dan..aa.. kemudian kita juga aa..menambah lagi kakitangan dua orang kakitangan aa...per..perkeranian ye...aa..itulah jadi seki masa itu dah adalah enam hingga sepuluh orang, a..itu diperingkat kakitangan lah., jadi pada saya, selepas itu perancangan tadi seperti yang saya sebut diperingkat awal tadi ialah untuk pastikan kita boleh mula beropesi...beroperasi pada

menerima pelajarlah pada bulan er.. jun eh..tahun 2000, jadi tanggungjawab utama yang ker.. pergi penggerak ataupun kumpulan aa.. awal ye.. sebagai daripada dato' rektor sendiri hinggalah diberikan sokongan yang ada pada masa itu sehingga bulan mei bulan jun itu ialah untuk melihat atau merancang keperluan yang pertama dimana kita nak ye.. lokasi ye.. kampus sementara kita dimana iaitu untuk mencari ruang untuk pa..pe..pembelajaran sebagainya kampuslah..k..cawangan kampus dimana kita nak cari sementara yee.. itu aa... akhirnya kita dapatlah iaitu bangunan institut aa.. baitulmal di kampung pandan dan kita menyewa daripada majlis agama islam wilayah persekutuan lah..sebelum itu juga tugas agak aa..banyak lebih kepada tugas menyediakan kertas-kertas kerjalah untuk kelulusan di peringkat agensi pusat eh.. dari segi penjawatan, dari segi peruntukan kewangan dari segi penganjuran pengambilan pelajar. Jadi, er.. enam kertas asas itu telah pun di.. dapat disediakan dan telah dapat dibentangkan diperingkat er.. masa itu kementerian aa.. pendidikan ye..Aa.. iaitu di bawah jabatan pendidikan tinggi lah..dan kita semuanya itu terangkum dalam enam kertas itu beberapa perkara lah. Yang pertama dari segi er.. kursus-kursus ye.. tiga program awal kita aa.. iaitu program Sarjana Muda aa.. Quran dan Sunnah, Sarjana Muda aa..(menelan air liur) Pengajian aa..Syariah dan Kehakiman dan juga Sarjana Muda em.. dakwah ye.. dan er.. dakwah pengurusan ye.. jadi kita tiga program yang awal. Kertas yang lain yang ke angkat ke Kementerian ialah dari segi ke beberapa jawatan seperti saya sebut tadi.. kewangan dan juga perancangan prasarana lah.. dan penganjuran pelajar dan sebagainya. Jadi eh.. aa.. selepas mendapat kelulusan, tugas yang

pertama, saya sebagai pendaftar antara lain ialah untuk merangka dari segi em.. keperluan-keperluan operasi pentadbiran (menelan air liur). Yang pertama ialah penubuhan lembaga pengarah universiti ye.. yang ini er.. alhamdulillah kita dapat mengadakan mesyuarat pertama lembaga pengarah universiti ialah pada bulan Mei tahun 2000 ye.. em (berdehem) ini yang mesyuarat pertama yang dipengerusikan oleh aa.. Tan Sri Dato' Mohd Yusof Nor dan mesyuarat pertama kita sebenarnya dari segi sejarah diadakan dibangunan PWTC ye.. Jadi ye.. untuk rekod kita lah.. mesyuarat pertama kita mesyuarat lembaga pengarah yang pertama diadakan di aa.. masa itu kebetulan Yang Berbahagia Tan Sri adalah ketua penerangan UMNO dan pejabat beliau berada di aa.. bangunan PWTC maka kita mengadakan di sana..Jadi kita sendiri tak ada ruang yang sesuai ketika itu. Jadi ini pun sejarah ye.. mungkin aa.. ramai orang tak tahu bila mesyuarat pertama lembaga pengarah dan di mana diadakan ye.. ok.. right.. Selain daripada itu aa.. adalah yang penting juga saya ingin memastikan bahawa kita aa.. boleh bernas-berbas mengeluarkan ye.. untuk menerima pelajar pada bulan Jun. Kita mesti terlibat dengan mesyuarat melalui unit pusat universiti iaitu bahagian kemasukan pelajar UPU, Jadi, persiapan awal telah pun dibuat pada bulan Mac lagi. Kita terlibat secara langsung dengan pemilihan pertama. Cabaran yang saya hadapi pada masa itu ialah dari segi aa.. kemudahan aa.. iaitu sistem aa.. pengambilan ini dah bermula sistem berkomputer ketika itu ye.. Jadi, kita tak ada apa.. aa.. semua ramai yang tak tahu.. bagaimana kita memulakan aa.. saya cuba aa.. mendapatkan aa.. apa yang telah dilaksanakan di universiti lain. Bagaimana? Kita tidak ada

sistem sendiri ketika itu.. Jadi aa.. saya meminta bantuan rakan kita lah di UKM ketika itu sebab saya lama di UKM kan.. Jadi sistem digunakan sama sahaja kita gunakan disana.. Maklumat daripada UPU tu datang secara aa.. maklumat berkomputer lah kan.. Jadi, saya minta bantuan di UKM lah.. aa.. jadi.. aa.. tak.. tak timbul masalah ye.. dan aa.. memanglah pada peringkat awal itu nama KUIM tidak pun termasuk dalam buku UPU eh ketika itu.. Jadi ini pengalaman pada saya, saya dan Dato' Abdullah yang sama-sama terlibat aa.. pergi attend mesyuarat tu.. agak pengalaman yang manis lah.. sebab kita tak tersenarai ye.. dalam pilihan pelajar, dan pelajar pun terpinga-pinga ye.. apabila kita hantar surat tawaran. Apa dia KUIM, aa.. ini satu tanggungjawab lagi untuk dari segi memperkenalkan KUIM ketika itu. Jadi.. alhamdulillah selesai segala-galanya dan kita aa.. tarikh yang saya masih ingat ye.. tarikh pendaftaran pertama pelajar KUIM di kampus aa.. sementara kita di bangunan IPB di Kampung Pandan ialah pada 16 Jun tahun 2000. Itulah tarikh pertama kami menyambut aa.. pelajar-pelajar kumpulan pertama pelajar kita..bertemu dengan ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka dan kita mengatur majlis itu.. alhamdulillah.. yang baik.. sebelum itu memanglah aa.. kita memerlukan kakitangan-kakitangan untuk pastikan apabila pelajar datang pada tahun 2000 dari segi pentadbiran, dari segi aa.. urusan pentadbiran memang saya terpaksa juga mencari aa.. apa nama.. yang berpengalaman ye.. bukan senang nak menarik aa.. orang datang sebab mereka tak kenal KUIM ni.. aa.. ketika itu.. Jadi, antara yang terawal lah yang joint atau bersama KUIM ialah Cik Haizuan Timbalan Pendaftar HEP selain dari Cik Asri ye.. antara yang terawal lah.. pegawai lah.. Jadi Cik Asri aa..ketika itu dan

juga Cik Haizuan juga terlibat aa.. secara langsung lah menerima pengurusan HEP ye.. Jadi, masa itu tidak ada masalah sangat kerana pelajar kita ketika itu sekitar 200 em.. aa.. lebih 255 o orang. Jadi kita tempatkan mereka di bangunan asrama IPB dan itu aa.. peringkat awal.. ok..

Harianti: aa.. apa ni maknanya Cik Haizuan dilantik untuk terus memegang HEP ke atau pegang bahagian pensyarah dulu?

Tuan Hj Addenan: aa.. Dia sebagai Penolong Pendaftar HEP dulu.. aa.. ketika itu (penyodal menyampuk: bersama Cik Asri) aa.. bersama Cik Asri..

Harianti: Jumlah pelajar pertama masa tu?

Tuan Hj Addenan: 255 orang

Harianti: So, dalam keadaan aa.. nama KUIM itu sendiri tak senarai (Cik Nan ketawa.. hehehe..) agaknya macam mana pelajar diambil, berdasarkan daripada mana kita ambil dari senarai universiti lain?

Tuan Hj Addenan: Dia kalau aa.. dalam sistem pemilihan bersama yang diuruskan oleh bahagian kemasukan pelajar aa.. bersepadu kita panggil di.. di.. JPT masa itu.. unit pusat universiti UPU.. aa.. Jadi.. kita lihatlah memanglah kita tidak aa.. tersenarai. Yang pertamanya aa.. kita akan aa.. sebab kita melihat kepada syarat-syarat minima yang calon-calon itu ada ditawarkan pada ketika itu. Jadi seperti biasalah mesyuarat pusat universiti-universiti ini, aa.. tentulah pelajar-pelajar yang saya sebutkan dalam 3

bidang pengajian tadikan, jadi tentulah macam kita syarat pertama bahasa arab mestilah kredit, sebab ini adalah daripada...lebih daripada program kita untuk menampung keperluan pelajar-pelajar sekolah menengah agama yang basicnya adalah bahasa arab, bahasa arab ya, kredit dan sebagainya. Jadi...biasanya kita akan compete dengan calon-calon pelajar yang juga memilih dalam bidang pengajian Islam, iaitu UKM, Akademi Pengajian Islam Universiti Melaya aa...UIA ya. Ini sahaja yang akan compete jadi ini jadi pertamanya kita rasa memang pelajar tidak membuat pilihan untuk KUIM ketika itu. Jadi kita tawarkan apabila pertama saya pastilah apabila tempat itu telah dipenuhi oleh calon-calon bagi 3 universiti yang saya katakan tadi memilih pengajian islam dah penuh maka calon yang membuat pilihan itu yang berikutnya kita ambillah. Itu 1 kita pun tidak hendak bukan semua pelajar yang kita ambil batch pertama itu adalah yang rendah negerinya tidak juga. Ada juga yang kita, dan memang kita juga mendapat aa...kerjasama yang amat baik di pihak a...universiti-universiti yang saya katakan tadi aa... seperti UKM, UIA, Universiti Malaya yang mana calon-calon pengajian islam ini, yang memberikan kepada kita tak ada masalah. Jadi memang bukan kita tak da langsung menghadapi masalah. Malah jumlah hah.. malah jumlah pelajar ketika itu bukan kekurangan saya boleh dikatakan memang boleh dapat. Sebab ketika itu kita tahu, Universiti Malaya, Universiti Kebangsaan, aa.. umpamanya fakulti pengajian islam UKM, hanya berapa ratus diambil untuk setahun. Ya...jadi ketika itu pada tahun 2000, lepasan anak-anak sekolah menengah agama bilangannya agak begitu besar, dan inipun antara lain tujuan kerajaan menubuhkan KUIM iaitu untuk menambah

bilangannya tempat, aa...bagi lepasan-lepasan pengajian-pengajian yang qa...sekolah agama kita ya, untuk membanyakkan lebih peluang dan mengurangkan penghantaran pelajar-pelajar kita ke tengah dalam pengajian Islam pada ketika itu. Jadi langsung kita tidak menghadapi masalah langsung. Walaupun kita tak tersenarai dan apabila dan pelajar-pelajar ini rekod yang ditawarkan mereka terima dan tidak kata katalah tawaran kita tadi ramai yang tidak datang kerana tidak kenal KUIIM tidak. Mereka datang mereka bertanya mereka mencari aa...itu yang agak pengalaman saya agak walaupun tak dikenali ketika itu. Jadi agak memang kita dapat surat tawaran kita hantar bertanya kita terangkan alhamdulillah, kita dapat.

Harianti: Maknanya pihak KUIIM masa itu ada tak membuat kerjasama dengan universiti lain untuk macam en cakap student yang tak dapat masuk tempat ke universiti lain so, yang tak dapat masuk, tarik ke KUIIM? Ada tak?

Tuan Hj Addenan: Tidak perlu. Sebab ini mesyuarat di bawah aa.. apa nama di bawah kementerian Jabatan Pengajian Tinggi bersama serentak tidak semestinya, tidak semestinya seperti yang saya katakan tadi, tidak semestinya lebih sahaja yang kita dapat maknanya dari segi merit yang terendah kita dapat, tidak. Ada juga keperluan-keperluan yang kita ambil mungkin merit tinggi tapi lebih sesuai kepada bidang di KUIIM ya.. umpamanya kita ada di bidang a.. syariah dan kehakiman ketika itu ya. Fakulti mana di universiti mana yang ada menawarkan syariah dan kehakiman misalnya berbeza sedikit dengan syariah di Universiti Malaya. Universiti Malaya syariah sahaja ketika itu

contohnya lah. Begitu juga UKM, betul tak jadi kita lihat USIM KUIIM ketika itu masih menawarkan Syariah dan Kehakiman sekarang ini Syariah dan Undang-Undang begitu juga pengajian Quran dan Sunnah ya...ada juga keunikan program-program yang ditawarkan jadi mendapat kerjasama yang baik daripada pihak aa...universiti-universiti lain jika umpamanya dirasakan calon pelajar ni lebih sesuai untuk KUIIM dia hantar KUIIM. Mungkin ini pada merit yang tinggi juga, ya kita lihat, yakni orang kata bukan makna baki-baki baru dapat ke KUIIM. Tidak ya tidak begitu. Ikut kesesuaian. Dan ini mendapat kerjasama yang amat baik ya..

Harianti:

Dari sudut aa...pemilihan kakitangan akademik. Kalau macam tadi kita fikir macam mana nak dapatkan pelajar, pekerja pula bagaimana? Dari sudut sama ada mengambil kontrak sahaja atau kakitangan tetap..aa..atau macam mana?

Tuan Hj Addenan:

Pertama..memang itu antara..tempoh masa pun kalau lihat latar belakang yang saya beri tadi. Jadi kita hanya ada enam bulan. Kalau yang diambil dari Januari. Ya..Jun kelas mula. Ya kita ada hanya enam bulan. Jawatan mendapat kelulusan sebagainya, perlantikan dan sebagainya, must kita perolehi, ya , masa yang...singkat, ya, kita..pertama memanglah kita mencari calon-calon pensyarah yang aa...sesuai dan ini tanggungjawab ini memang pihak aa.. Dato' sendiri dan juga pihak Dato' Abdullah sebagai timbalan rektor ketika itu, ya.. dan mendapat mencari tenaga pengajar yang kita rasa sesuai dan perlu pada ketika itu. Memang bilangannya agak kecil dan kerana jangka masa yang singkat itu. Peringkat

awal memang terus terang kita katakan kita banyak menggunakan tenaga sambilan. Tak salah, tenaga sambilan, sebab kita berada di sekitar..apa namanya.. Kuala Lumpur. Di Kg Pandan. Tiada masalah untuk mendapatkan tenaga sambilan. Kita ada tenaga sambilan daripada aa...UKM, daripada Universiti Malaya pun ada, tenaga sambilan Malaysia. Yang kita lantik tetap pun ada bilangannya..

Harianti: Siapa antara terawal?

Tuan Hj Addenan: aa....yang terlibat awal bersama kita Tuan Hj Alwi, ya, Tuan Hj Alwi, a.. Ustaz Ismail, ya, itu yang awal dan mereka sekarang ni dah bersara, dan sekarang ni sains kontrak dengan kita. A.. dan a..antara yang terawal. Kemudian aa...Kita ada beberapa orang lagi la..erm..saya..ada juga yang dah berhenti la yang dah bersara.. erm..ya..Dato' Hashim...Hashim Salim..apa nama..dari segi undang-undang.. dan yang lain itu ramai yang sambilan la..dan kalau kita lihat pun itu peringkat dari tahun 2000 la..2001 dan lepas itu kita lebih nampak aa..pertambahan itu begitu pantas la..

Harianti: Pada peringkat awal, berapa ramai pensyarah yang diambil?

Tuan Hj Addenan: Peringkat awal, kita tidak ambil secara kumpulan besar, pada semester pertama kita agak, apa...berperingkat, berapa subjek dan kita punya program yang agak unik, dimana untuk semester pertama bagi semua program kursusnya pun aa...agak, agak sama. Cuma mereka diberikan kepada kumpulan-kumpulan. Jadi kita lihat

tidaklah maknanya kita mesti ada untuk tahun pertama tu mesti 50 orang pensyarah..tidak..sebab kita bergantung ketika itu semester pertama berapa kursus dan berapa pensyarah kita nak. Itu dah cukup ketika itu. Berbanding pada hari ini kita dah mempunyai pensyarah hamper 300 orang ya...aa...dan ramailah.

Harianti:

Daripada sudut orang kata kenangan pahit manis masa zaman muda dari UKM dulu, dekat UKM dari segi kekurangan ke, agaknya yang paling manis kenangan ke dekat UKM dulu...apa agaknya?

Tuan Hj Addenan:

Saya secara ni, secara peribadi, saya sebenarnya pada peringkat awal yang saya katakan tadi, dari bulan 1 bulan 3, saya bekerja sorang-sorang. Memang saya buat kerja-kerja sendiri, saya tak pernah pikul surat bawa pejabat pos, saya buat sendiri. Ya...aa...takde staf ya, ketika itu, pertama urusan yang ketika itu aa..saya memang buat sendiri. Saya pernah jadi PA, pernah jadi PA lah tu...hehe...pikul surat bawa pergi ke pos...dan sebagainya...er...lepas tu bila dah tambah kakitangan...oklah...begitu juga kita merasakan ketika itu...aaa...berapa keperluan yang begitu memang aa...saya katakan tadi tidak bermakna saya mampu buat semuanya jadi ini kenangan-kenangan sendiri, untuk saya sendirilah, terutama bila saya nak menyediakan kertas-kertas dan sebagainya. Jadi...kertas kerja, jawatan yang begitu banyak, ya, dia punya ABM tu..dulu lagi..aa..saya tak pandai..untuk nak buat tu sendiri, saya pandai merancang itu ini tapi kerja-kerja ni saya dibantu..kebetulan la..kadang anak saya sendiri bantu..itu kenangan sayalah, anak saya sendiri kebetulan dia bercuti

lepas SPM, dia bantulah saya. Just Imagine la takde orang kan. You have to do it. Erm...memanglah ketika itu memang keperluan kerja er...tak dapat saya bayangkanlah terutama apabila segala-gala saya kena rancanglah terutama termasuk apabila kita mengambil kakitangan kita kena perlu ingat beberapa kemudahan kakitangan perlu dirancang lebih awal. Ya, dari segi perubahan sendiri, ya, dan kemudahan- kemudahan lain la untuk menjalankan tugas rasmi, banyak sangat yang kita perlu sediakan, ya jadi kalau lihat dari segi itu memang ar awal-awal lagi memang perkara itu saya perlu sediakan so bagaimana saya menyediakan bagaimana saya menunjukkan skim dan sebagainya la ya, segala-galanya saya kena selesaikan kebanyakannya pada mesyuarat erm...lembaga pengarah yang pertama skim perubahan kalau dilihat rekodnya kita dah luluskan masa mesyuarat LPU yang pertama. Ya er...antara lainlah, kemudahan rawatan perubahan kita ar.. jadi..yang lain-lain tu er..untuk saya sendiri bahagian pentadbiran er..dari segi perancangan aa...operasilah, untuk kerja-kerja infrastruktur dan sebagainya. Kemudahan-kemudahan urusan lain-lainlah. Pada saya itu bukanlah pahit tapi saya rasa gembiralah ya, pengalaman-pengalaman bukan pada saya er...kita kata pahit..tapi.. bukanlah pahit, saya tidak terfikir pun saya boleh buat. Dan apabila saya lihat USIM pada hari ni, saya rasa bangga la, saya dah pun dihujung untuk berkhidmat di USIM ini er...melihatkan perkembangannya..yang kita..saya tak terfikir satu hari begini rupa USIM, punyai kampus sendiri yang saya rasa saya boleh banggakan dan bilangan kakitangan pun yang telah begitu meningkat er...kita telah jangkau lebih keseluruhan staf kita lebih 700 oranglah. Ya, dan ar...saya

yakinlah universiti ini boleh ya...maju.. dan er..nampaknya kita setakat ni telah berjaya meletakkan nama di..orang kata..di mata..masyarakat negara. Yang utamanya er..kita punya... ni kata ni satu pencelup ni bidang punya islam. Tapi pada hari ini kita lihat kita telah mempunyai fakulti perubatan dan juga fakulti pergigian ye selain daripada fakulti yang sains teknologi dan sebagainya jadi ini melihatkan kepercayaan er kerajaan dan juga er masyarakat kepada USIM yang mempunyai potensi untuk maju lagilah masa akan datang ini, dan saya amat ar banggalah sebab USIM ini mempunyai em keunikan tersendiri lah ye kalau dilihat di ape ape lagi apabila kita dah menukar nama ni kan. Dulu orang kata bila sebut Kolej Universiti ni mesti die kata ni cawangan cawangan ke dia kata, biasa orang kata sambungan cawangan UIA ke atau cawangan UKM die kata, tak, kita sesendiri di bawah sebuah IPT kan IPTA, dan hari ini jelaslah sejak pada 1 Februari 2007, kita telah pun di tukar nama aa ni pun banyak salah faham kata dia kata naik taraf tak? kita taraf sama je, tukar nama kepada Universiti Sains Islam Malaysia. Jadi tu lah aaa saya rasa dalam untuk melihat perkembangan aaa USIM ni, ni baru 7 tahun ye sejarah kita, Allhamdulillah.

Harianti: Macam mana dengan cara perancangan dan pembaharuan jabatan pendaftar tetapkan buat?

Tuan Hj Addenan: Kalau kita lihat, iye em, jabatan pendaftar cara em lebih yang fokus atau khusus tu tugas dia adalah bahagian sumber manusia ye selain pada yang lain-lain lah sumber bahagian manusia ini agak luas, kita mempunyai bahagian pengambilan, penjawatan dan juga

perkhidmatan dan agak luaslah skop dia, ini dan juga perkhidmatan-perkhidmatan sokongan yang lain, pentadbiran amnya aka kenderaan dan sebagainya maknanya pembantu dan sokongan. Ss Er, jadi bila bercakap tentang sumber manusia tentulah yang kita akan pastikan USIM ni mempunyai tenaga manusia ataupun sumber manusia yang benar-benar aka dia kata memberi manfaat kepada universiti, komited, aka dan dedikasi dalam menjalankan tugas ini. Ini satu cabaranlah yang kita hadapi sebab penekanan kepada modal insan ini, baik kakitangan sokongan dan juga kakitangan aka pentadbiran dan juga akademik, kedua-duanya sama penting. Umpamanya dari segi aka tenaga akademik kita lihat pihak kerajaan dan kementerian telah pun membuat ketetapan, kita harus mencapai 60 peratus daripada tenaga pengajar kite mempunyai ijazah PhD (33.25) menjelang tahun 2010. Jadi kita bergerak kearah itu, ya kalau kalau kita lihat, kita yang baru 7 tahun, berapa peratus pensyarah kita yang mempunyai Phd? dan kita ni, kita diberi hanya tempoh aka daripada sekarang ini tinggal lagi berapa...3 tahun. Jadi agak sukar untuk mencapai dalam tempoh terdekat ni ye, tapi sekurang-kurangnya kita menyangkut itu sekurang-kurangnya kita menghantar aka menghantar aka menjelang tahun 2010 ni sekurang-kurangnya kita dah menghantar hampir mencapai target itu lah. Sekarang ni, kita dalam sekitar 32 ke 35 peratus yang punya PhD ye, dan tahun depan ataupun tahun ini dijangkakan dalam aka 9 hingga 12 orang akan selesai PhD akan balik ye. Aa Ini satu perkara yang membanggakan juga pada kitalah. Berbalik kepada kitaran pentadbiran kita juga, banyak aka sekali ye cabaran yang kite hadapi dan harus kite tekankan pada kakitanganlah. Jadi yang

pentingnya, kita harus dapat membentuk kakitangan kita yang benar-benar berdedikasi dan berdisiplin, untuk menjadi modal insan ye..aa sebenarnya yang begitu memberi faedah ye aa kepada universiti dan jage aa dapat memberi khidmat yang terbaik lah. Ke arah itu kita telah merancanglah pelbagai program lah ye, bermula dengan pemilihan perancangan jawatan dan juga pemilihan, kemudian kita susuli dengan beberapa kursus-kursus pembangunan, sumber manusia ini, latihan dan sebagainya. jadi kalau lihat hari ni, cabaran ini memanglah, kalau kita Tanya sendiri ape cabaran kakitangan, pada saya dua sebab je, yang lain kita boleh latih, kemahiran kita boleh latih. Cabaran yang paling pertama ialah ialah sikap, ye, sikap, sikap kita terhadap tugas kita dan universiti kita. Yang kedua budaya, ye. Jadi budaya kerja yang cemerlang, kalau kita dah lekatkan dalam diri kita diri, budaya, mudah-mudah, itu sebabnya kita dalam mm masukkan dalam program pelan integriti nasional kita, peringkat universiti, aa a memantapkan lagi aa pengurusan sumber manusia ini kan, dan kita telahpun berjaya menerbitkan buku kod etika staf, ye, itu kita nak buat. Kalau kita lihat buku kod etika staf itu, saya rasam dapat dihayati oleh staf kita, Insya Allah kalau baca. Puan Azzah dah baca? Saya dah baca, cuma belum hadap sepenuhnya (dijawab oleh Puan Azzah). Aa ye, kita..ye semua tu kita kaitkan dengan, kita cakap lain sikit iaitu sumber Quran dan Hadis. Selain daripada yang penulisan-penulisan berkaitan etika bukan?..bace tu, hayati tu...Jadi, Insha Allah, kalau orang berpegang kepada itulah ye, yang boleh menghayati kod etika tu, insha Allah, kita boleh berjaya lah ye. Sebab, kalau kita lihat soal sikap dan juga budaya kerja tadi ye, kalau tak betul, sukarlah kite buat

macam mana pun. Ok, itu dari segi aa..apa, harapan kita. Dari segi pentadbiran, kita cuba mengemaskini lagilah ye, antaranya dengan err kita juga menjadikan pelaksanaan err pembangunan teknologi maklumat kan. Sekarang kita menggunakan err rekod kedatangan kita menggunakan cara kita panggil sistem myAkrab, sistem ni. Jadi, sistem kita bangunan ini aa, saya rasa antara yang ter, bukan saya kata baiklah tapi saya rasa kita juge agak aaa ke depan sikit la. Saya tak tau, tak berani membandingkan dengan orang lain sebab setengah orang lain mungkin pakai elektronik dan dia key in dengan apa tu laptop, di PC dan sebagainya, tapi kita pakai cap jari dengan kad dua-dua sekali. Jadi sebenarnya dari segi aa myAkrab ini, sistem kedatangan myAkrab ini banyak penggunaanya, bukan hanya merekod kedatangan, aa dan juga lain-lain, tapi kite gunakan dalam pengurusan sumber manusia. Kalau ada kes aa sebagainya, mudah kite ade rekod. Aa untuk pertimbangan, anugerah cemerlang dan sebagainya, untuk naik pangkat, kita gunakan rekod kedatangan, dan rekod ini disimpan. Saya sendiri boleh akses dari sini, saya nak tau berapa orang aa staf ada sekarang di pejabat dia semua bahagian mana saya tau. Akses ye, aaa itu antarlal, yang lain itu kite gerakkan melalui aa saya pun berharaplah supaya perkara ini dikalangan kakitangan aa supaya kita manjadi warga kerja yang baik. Manghayatilah apa yang telah di..apa amanah yang diberi kepada kita, dilaksana sebaiknya. Hari ni, aa...sejak daripada dua hari sudah ye, kite pun aa sedang mengadakan penyeliaan..ye..Antara kita tambah ini tugas tanggungjawab ketua-ketua lah menyelia orang bawah dia, aa jangan lepas tangan. Jadi kadangkala kita dapati ada juga yang masalah dihadapi daripada

kakitangan ni tak pernah pun teguran diberi ye...ye itu antara lain contoh la. Ini biasa lah berlaku dimana-mana juga ye aa ini, balik kepada sejarah KUIM ni, ok.

Harianti:

Itu kira termasuk kenapa ditubuhkan jugak kan?

Tuan Hj Addenan:

Ada beberapa perbincangan yang sebenarnya kite masih lagi aa... berharap dapat dilaksanakan ye. Aa...yang sedang kita tahun ini kita dari segi perjawatan la, pengambilan cara online. Yang ini ada sedikit kelemahan la...aa kelemahan dari segi kerana ini melibatkan sistem dan juga melibatkan ape nama...server ye, dan pembangunan ini melibatkan pihak luar lah, vendor luar ye. Jadi, aa...sehingga pada tahap ini, saya belum puas hati lah. Kita menjangkakan dulu sistem e-lris ini, sistem pengambilan cara online ini aa...akan menambah baik lagilah sistem ini, kerana kita mempunyai sasaran untuk proses pengambilan agar dapat dibuat dengan segera terutama bagi pihak akademik lah. Jadi aa... mungkin ini kerana pertama kali, ada beberapa masalah yang cuba diperbaiki oleh bahagian aa.. IT lah, saya harap untuk berikutnya dapat dilaksanakan sepenuhnya...aa...yang lain-lain saya rasa tak banyak sangat yang saya rasa tak tercapai dah tercapai sebenarnya. Sebab dalam SKT untuk tahun aa 2007 ni, kite telah menetapkan beberapa SKT Jabatan Pendaftar lah, aa...rase-rasenyee kita boleh capai insyaAllah. Cuma apa yang perkara yang kita harapkan, aa...juga Jabatan Pendaftar ataupun ini berhasratlah a...untuk Jabatan Pendaftar memperoleh aa...ISO lah. Ini bergantung kepada aa persetujuan jawatankuasa pemandu kualiti universiti, jika bersetuju kita akan buka kearah itulah. Sekurang-kurangnya kita

memulakan, bukan untuk mencapai barangkali, bukan untuk mencapai barangkali untuk tahun 2007 sahaja ye...barangkali kita memulakan, jika berpandukan jawatankuasa pemandu kualiti, kita nak buat ISO Jabatan Pendaftar lah, dari segi pengurusanlah keseluruhannya. Itu yang antara lain yang kita rancang daripada tahun inilah...jadi yang lain-lain itu aa..ada perkara-perkara lagi yang ni mungkin melibatkan mungkin Jabatan Perdaftar juga, tetapi aaa..jabatan-jabatan lain juga...aa...dari segi penggunaan teknologi maklumat lah, kita dah membuat beberapa perancangan yang kita harap dapat dilaksanakan pada tahun ini, tetapi masih lagi di peringkat pembangunan saya rasa...development stage lagi...iaitu umpamanya kita nak buat meeting online ya, maknanya aa...seperti mesyuarat lembaga pengarah, mesyuarat senat, malah mesyuarat jawatan kuasa pemilih dan lain sebagainya kita buat secara online. Apabila aa...database kita siap dan network kita sini tak ada terganggu lagi ia ini sekarang ni kalau kita baru pindah ke bangunan baru ini masih lagi belum lagi tahap orang kata 100% stabil lagi jadi kita tak boleh laksanakan yang itu, itu masih lagi lah dari segi aa...peningkatan IT itu penggunaan teknologi maklumat..(menghembuskan nafas) jadi aa.. memang kita anggapkan kita cuba mencapai lah...

Harianti:

Kalau di peringkat baru dulu awal-awal kita mungkin tumpuan kita lebih banyak kepada...kepada pelajar dan kakitangan kita dan banyak memberi kemudahan pelajar dan mungkin selepas pada tarikh sekarang dan kita bersetuju bahawa sumbangan ahli akademik adalah penting, apa pandangan tuan haji?

Tuan Hj Addenan: aaa saya dah melihat aa sekarang ni penglibatan dan juga sumbangan aaa warga universiti ini terutama ahli akademik kita ya memang la terlibat baik diceramah, di televisyen, radio dan sebagainya begitu juga masyarakat setempat saya lihat ada beri ceramah dan juga melalui INFAD yang penting, melalui INFAD kita telah dikenali iaitu institut pengurusan fatwa aaa telah pun eee diiktiraf ya aaa sebagai rujukan ya untuk pengurusan fatwa ini kita sekarang ini berada pada fasa ke 2 untuk kita enhance ataupun memantapkan lagi ee memajukan lagi pengkalan data pengurusan fatwa ee di INFAD memang itu aa juga saya lihat menjadi aaa dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan untuk makluman aaa apa ni INFAD ataupun untuk kita melihat aaa data ataupun kaitan fatwa kita boleh lihat kita lihat kan aaa INFAD ini kita letakkan dalam aa apa nama management fatwa information management kita letakkan dalam website kita dan masyarakat boleh access. Kita boleh capai kita mengenai fatwa punya iaitu satu perkara just kita hanya perlu masukkan pilihan kita apa yang kita nak cari jadi yang ini pun telah memberi banyak manfaat. Saya rasa lah dan saya harap masyarakat dapat memanfaatkan ini aaa mengenai pelajar memang kita terlibat juga secara langsung pelajar kita dalam memberi khidmat kepada masyarakat melalui aktiviti program-program yang diatur oleh bahagian HEP kita di sini mempunyai satu sebuah institut khas yang secara langsung memberi aaa khidmat ataupun terlibat dalam masyarakat iaitu sekretariat pendakwah muda yaa yang kita latih untuk turut memberi berkhidmat kepada masyarakat lah. Selain daripada aktiviti kita tahunan biasa kita buat melalui persatuan pelajar, HEP, koperasi, masyarakat lain.

Harianti: Apakah perancangan untuk memantapkan lagi pengurusan pentadbiran universiti?

Tuan Hj Addenan: aaa saya kerana saya sendiri terlibat secara langsung ataupun lama dalam bidang pentadbiran ataupun pengurusan mempunyai peranan yang paling penting untuk menggerak ee dan juga membantu sepenuhnya mencapai hasrat ataupun wawasan pihak pengurusan tertinggi ataupun universiti apa yang dicapai oleh universiti kita ini sebenarnya bergantung kepada pengurusan kita, sekiranya pengurusan aa termasuk kakitangan peringkat pentadbiran sehingga lah kepada sokongan tidak dapat sama-sama menghayati maka saya rasa lah mungkin yang boleh menjejaskan hasrat ataupun apa yang di capai oleh universiti jadi kerana itu keterlibatan yang tidak boleh berbelah bagi lah kepada kita lah once you masuk universiti ini sebagai tempat kita aa bertugas menerima jawatan itu berilah sumbangan sepenuh komitmen bukan 50% dan sebagainya universiti nak komited kerana itu sebagai orang kata aa punca utama lah untuk kita dapat sama-sama jadi itu yang penting jadi itu saya rasa bagaimanapun aaa untuk pengurusan dan pentadbiran dan sokongan dan sebagainya kita harus menyokong juga usaha hasrat yang ingin di capai oleh universiti setiap tahun kita lihat kita tentang amanat Naib Canselor hala tuju kita di buat eee jadi kita harus mendapat menghayati itu kalau tidak kan habis tinggal di kertas atau pita rakaman sahaja, ya jadi kerana itu kita menggerakkan sama –sama terlibat dan baik dari peringkat pegawai malah kakitangan yang lain jadi harus sama-sama merasa turut menyumbang itu sebenarnya harapan saya begitu

juga akademik dan baru lah kita dapat saya rasa lah merealisasikan apa sebenarnya di situ nanti kita dapat kepuasan kalau tidak kita hanya pada diri kita untuk apa kita ada kat sini kan aaa jadi itu harus hanya boleh di jawab jadi macam Puan Azzah sendiri esok 30 years from now you ask yourself hehehe (gelak) untuk apa saya di sini apa sumbangan saya dan then that time macam mana boleh capai kepuasan ye tak betullah jadi kalau setiap orang ada benda tu barulah dapat sama-sama lah insyallah ok.

Copyright © 2014 Unit Pengurusan Ilmu, Perpustakaan USIM